

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN ALAN LING SIE KIONG**

**TARIKH** : **22 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 22**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan syarat dan peraturan terkini yang terpakai ke atas Institusi Memandu dan adakah ia berbeza di antara mereka yang beroperasi di bandar dan luar bandar.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Institut Memandu dan Sekolah Memandu adalah tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Sekolah Memandu) 1992 dan juga peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelesenan Institusi Memandu (JKPIM) Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak dari semasa ke semasa. Syarat dan peraturan yang ditetapkan ke atas Institusi Memandu adalah terpakai bagi semua Institut Memandu atau Sekolah Memandu yang telah mendapat kelulusan beroperasi daripada JKPIIM sama ada di bandar ataupun di luar bandar.

Sekian, terima kasih.